

METOD PENGAJIAN TAHFIZ MENGGUNAKAN KAEADAH TURKI UTHMANI DI PUSAT TAHFIZ ANTARABANGSA HAYRAT, MALAYSIA

TAHFIZ STUDY METHODS USING OTTOMAN TURKIYE METHODS AT THE HAIRAT INTERNATIONAL TAHFIZ CENTER, MALAYSIA

Anis Syahida Binti Mohd Jalaini @ Zailani*¹

Nurul Huda Binti Badrul Hisam²

Syafiqah Syuhada Binti Abd Rahman³

Syed Najihuddin bin Syed Hassan⁴

¹ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, (USIM),
(Email:anis_syahida@raudah.usim.edu.my)

² Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, (USIM),
(Email:nrlhdaaa@raudah.usim.edu.my)

³ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, (USIM),
(Email:syafiqahsyuhada@raudah.usim.edu.my)

⁴ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, (USIM),
(Email: syednajihuddin@usim.edu.my)

Article history

Received date : 7-8-2023

Revised date : 8-8-2023

Accepted date : 25-9-2023

Published date : 15-10-2023

To cite this document:

Mohd Jalaini, A. S., Badrul Hisam, N. H., Abd Rahman, S. S., & Syed Hassan, S. N. (2023). Metod Pengajian Tahfiz Menggunakan Kaedah Turki Uthmani Di Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat, Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6 (11), 105 - 118.

Abstrak: Quran adalah Kalamullah yang bermukjizat diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Malaikat Jibril AS. Ia diturunkan kepada manusia secara mutawatir dan membacanya adalah ibadah. Bagi umat Islam yang benar-benar menghayati kitab suci ini, Quran bukan sekadar pusaka peninggalan Rasulullah SAW semata-mata. Namun ia telah diamanahkan supaya umat manusia memeliharanya, mempelajarinya, mengamalkannya dan tidak lupa juga untuk menghafaznya. Amalan menghafaz Al-Quran ini telah bermula sejak zaman Rasulullah SAW lagi sehingga ke zaman kini. Terdapat banyak kaedah hafazan yang digunakan di seluruh dunia terutamanya di Malaysia. Namun, kaedah turkiyah ini masih belum dikaji secara mendalam. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis kaedah Pengajian Tahfiz Al-Quran menggunakan metod Turkiyah di Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat, Malaysia. Jenis kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif yang menggunakan rujukan internet untuk mencari fakta mengenai kaedah hafazan pada zaman Rasullullah. Selain itu, pengkaji juga menemubual pengasas serta pengajar Maahad Tahfiz tersebut. Hasil kajian ini mendapati bahawa kaedah hafazan Turkiyah mampu memudahkan pelajar khususnya pelajar tahfiz dalam menghafaz dan menghayati Al-Quran. Pelajar tahfiz tersebut perlu memastikan kaedah Turkiyah yang dipelajari diambil dari sumber yang tepat, sahih, dan dipercayai agar selaras dengan prinsip keilmuan dalam Islam. Konklusinya, diharapkan kewujudan kaedah Turkiyah pada abad ini dapat melahirkan satu modul pembelajaran kaedah tahfiz yang

sistematik dan berkesan. Ini juga dapat melahirkan lebih ramai pelajar tahfiz yang berkualiti dan cemerlang. Justeru, diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat dan keilmuan kepada orang awam.

Kata Kunci: Kaedah Turkiyah, Kaedah Hafazan, Pengajian Quran, Hayrat Malaysia

Abstract: Quran is the miraculous Word of God revealed to Prophet Muhammad SAW through the mediation of Angel Gabriel AS. It was revealed to humans mutawatir and reading it is worship. For Muslims who truly appreciate this holy book, Quranic verses is not just an heirloom left by the Prophet SAW. But it has been entrusted so that mankind preserves it, learns it, practices it and does not forget to memorize it. The practice of memorizing the Qur'an has started since the time of the Prophet SAW until the present day. There are many memorization methods used around the world, especially in Malaysia. However, this Turkish method has not yet been studied in depth. Thus, this study aims to analyze the method of studying Tahfiz Quran using the Turkiyah method at the Hayrat International Tahfiz Center, Malaysia. The type of method used in this study is a qualitative method that uses internet references to find facts about memorization methods in the time of the Prophet. In addition, the researcher also interviewed the founder and teacher of Maahad Tahfiz. The results of this study found that the Turkiyah memorization method is able to facilitate students, especially tahfiz students, in memorizing and memorizing the Al-Quran. The tahfiz students need to ensure that the Turkish methods they learn are taken from accurate, authentic, and reliable sources in order to be in line with the scientific principles in Islam. In conclusion, it is hoped that the existence of the Turkiyah method in this century can produce a systematic and effective tahfiz learning module. This can also produce more quality and excellent tahfiz students. Therefore, it is hoped that this study can provide benefit and knowledge to the public.

Keywords: Turkiyah Method, Hafazan Method, Quran Study, Hayrat Malaysia

Pendahuluan

Dunia Islam kini, kita sedang mengalami krisis kerohanian yang dahsyat. Punca kepada masalah ini adalah pengasingan daripada cahaya al-Quran al-Karim. Oleh yang demikian, satu-satunya jalan selamat yang dapat kita lakukan adalah dengan berpegang kepada al-Quran dan Sunnah, yang merupakan makna pertama daripada al-Quran. Ketika kita menyebut berpegang dengan al-Quran, ia bukanlah bermaksud sekadar bacaan lafziyah (literal) tanpa memahami maksudnya. Oleh kerana kita sebagai umat yang bertanggungjawab dan memelihara lafaz al-Quran, kita juga harus bertanggungjawab memelihara maknanya. Di samping itu, untuk memastikan kesinambungan penyampaian dan pembelajaran al-Quran, wujudnya golongan yang menghafaz al-Quran yang dipanggil Huffaz. Mereka akan memastikan dan menjamin agar ayat-ayat al-Quran tidak diselewengkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Hijr ayat 9:

(إِنَّمَا تَنْهَىٰنَا الْذِكْرُ وَإِنَّا لَهُ لَخَائِفُونَ)

Maksudnya, “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kamilah yang benar-benar memeliharanya.”

Ayat tersebut merujuk bahawa Allah SWT menjamin al-Quran akan terus terpelihara daripada hilang, cacat dan binasa. Ayat ini juga merujuk kepada perekodan al-Quran secara bertulis ataupun dilakukan melalui kaedah hafazan secara lisan. Dalam kaedah lisan, pemeliharaan al-Quran dilakukan secara ingatan hafazan dan Nabi Muhammad SAW adalah manusia yang pertama memelihara perekodan al-Quran secara hafazan. Dengan demikian baginda SAW digelar sebagai *Saiyidul Hufaaz* yang bermaksud Penghulu bagi penghafaz al-Quran.

Kaedah hafazan al-Quran telah bermula sejak wahyu pertama turun di Gua Hira'. Ketika Rasulullah SAW sedang beribadat di Gua Hira', Allah SWT telah memerintahkan Jibril AS untuk mengajarkan al-Quran kepada baginda. Ayat pertama yang dibaca adalah 'iqra' yang diulang sebanyak tiga kali oleh Malaikat Jibrail AS dan kemudian dibaca kembali oleh baginda secara hafazan. Kaedah menghafaz al-Quran ini telah diteruskan daripada zaman Rasulullah SAW, para sahabat, tabi'in sehingga ke era masa kini. Pada waktu yang sama, banyak Pusat Tahfiz al-Quran didirikan dan silihbus tertentu diperkenalkan oleh para ulama ketika itu, untuk memudahkan pembelajaran. Kenyataannya, banyak silihbus yang digunakan bagi mempelajari al-Quran sepanjang sejarah dan diantaranya adalah sistem yang dicipta oleh Kerajaan Uthmaniyyah, Turki. Pelbagai jenis Pusat Tahfiz yang wujud di Malaysia, namun tidak banyak yang menggunakan kaedah Turki Uthmani kerana kaedah ini sukar bagi pelajar untuk menghafaz al-Quran. Namun terdapat beberapa pusat tahfiz yang masih mengaplikasi kaedah ini dalam hafazan al-Quran, antaranya adalah Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat, Malaysia.

Pusat Tahfiz ini merupakan cabang daripada Pertubuhan Hayrat Malaysia. Mereka menggunakan kaedah hafazan Turki Uthmani kerana Pertubuhan Hayrat di Turki juga menggunakan kaedah ini. Hal ini demikian kerana kaedah hafazannya tidak sama dengan kaedah hafazan biasa. Kaedah hafazan biasa akan dimulai dari halaman pertama setiap juzuk. Manakala kaedah hafazan Turki Uthmani bermula dari halaman terakhir iaitu halaman ke-20 dari setiap juzuk. Kajian ini akan mengenal pasti sejauh mana keberkesanan kaedah Turki Uthmani yang digunakan oleh Pusat Tahfiz Hayrat Malaysia dan bagaimana perkaitan antara kaedah hafazan yang lain. Realiti semasa menunjukkan bahawa kaedah Turki Uthmani menunjukkan perkembangan menggalakkan dalam kekuatan hafazan al-Quran pelajar. Semoga kaedah hafazan Turki Uthmani ini membantu para penghafaz al-Quran untuk mencapai cita-cita menjadi penghafaz al-Quran yang kuat dan berkualiti.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti teknik yang diaplikasikan oleh Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat Malaysia dalam kaedah hafazan Turki Uthmani.
2. Menganalisis keberkesanan hafazan pelajar dalam kaedah Turki Uthmani yang diaplikasikan oleh Pusat Tahfiz Hayrat Malaysia
3. Menganalisis impak terhadap pelajar Pusat Tahfiz Hayrat Malaysia dalam penggunaan kaedah Turki Uthmani bagi hafazan al-Quran.

Metodologi Kajian

Kaedah penulisan kajian ini adalah menggunakan kajian kuantitatif dimana pengkaji menemu bual beberapa guru Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat Malaysia untuk mendapatkan data mengenai kaedah Turki Uthmani yang digunakan pada Pusat Tahfiz tersebut serta keberkesanan kaedah ini terhadap hafazan pelajar. Dalam pada itu, data yang didapati dari sesi temu bual itu akan dibincangkan di dalam dapatan kajian. Pengkaji turut menggunakan kaedah kualitatif dengan mencari data perpustakaan atau kajian perpustakaan. Pengumpulan data adalah penting dalam setiap kajian untuk membolehkan pengkaji memperoleh maklumat tambahan tentang

kaedah hafazan Turki Uthmani dan melakukan perbandingan terhadap kaedah hafazan yang lain. Pengkaji menggunakan Google untuk mengumpul data daripada jurnal, penerbitan, dokumen, dan kajian terdahulu yang berkaitan dengan kaedah Hafazan dan pengajian al-Quran.

Tinjauan Literatur

Berdasarkan artikel yang dikaji oleh Azman Che Mat, Wan Ainun Sailah, Wan Adnan, Azarudin Awang dan Wan Noor Hazlina Wan Jusoh et. al. (2020). Dalam kajian tersebut ia membincangkan tentang tahap amalan kaedah hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar program al-quran Imtiaz. Metod kajian dilakukan secara kaedah kuantitatif-deskriptif dari aspek jenis data yang dipilih dan kaedah analisis. Berdasarkan dapatkan melalui kajian tersebut tahap amalan kaedah hafazan dalam kalangan responden didapati tinggi, namun didapati sebahagian maklum balas adalah rendah dan perlu diberikan perhatian.

Menurut Abd.Aziz Abdullah, Abd.Aziz Che Ibrahim, Suhaimi Abu Hasan dan Mahmood Sabtu et. al. (2021). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejarah pembangunan sistem dan cara menghafaz al-Quran, mengkaji cara yang digunakan dalam pembelajaran dan menghafaz al-Quran serta impaknya kepada pelajar di institusi tahniz di Sekolah Menengah / Maahad Hafiz Jeram (Banat) dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang, Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif iaitu seramai 44 responden dari pelajar yang terpilih di kedua dua sekolah tersebut iaitu dengan memberikan borang soal selidik, mengadakan temubual dan membuat kajian kepustakaan. Hasil kajian didapati telah mencapai objektif yang ditetapkan oleh para pengkaji.

Kajian yang dijalankan Hervina Kusumawati (2018) menunjukkan bahawa tujuan kajian ini adalah pengkaji ingin mengetahui model Turki Uthmaniyah, pelaksanaan model Turki Uthmaniyah dalam menghafaz al-Quran di Yayasan Tahfidz Qur'an Sulaimaniyah dan cara mereka berjaya menghafaz al-Quran di Yayasan Tahfidz Qur'an Sulaimaniyah. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif dan pengkaji melakukan kajian lapangan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa model Turki Uthmani adalah dimulakan menghafal al-Quran dari muka surat terakhir setiap juzuk, perlaksanaan Model Turki Uthmaniyah di Yayasan Tahfidz Qur'an Sulaimaniyah berjalan mengikut kaedah yang ditetapkan dan kejayaan model Turki Uthmani menghafaz al-Quran di Yayasan Tahfidz Qur'an Sulaimaniyah cukup baik iaitu semua pelajar dapat menghafaz al-Quran melebihi target yang ditetapkan.

Menurut Nadiatul 'ula Rantau (2018), penelitian ini bertujuan untuk menerapkan perlaksanaan kaedah Turki Uthmani di Pondok Pesantren Sulaimaniyah (UICCI) Jakarta yang unik dan tidak umum digunakan oleh pusat-pusat tahniz yang ada di Indonesia. Setelah dianalisis, dapat disimpulkan bahawa Kaedah Turki Uthmani mempunyai istilah putaran, halaman lama dan halaman baru. Ada 20 pusingan, kalau dah habis pusingan 20 baru habis hafalan. Yang dimaksudkan dengan muka surat baru ialah muka surat yang akan disimpan dan muka surat lama ialah muka surat yang telah disimpan (Muraja'ah) oleh guru. Pelaksanaan metod Turki Uthmani dalam menghafal Al-Qur'an di Pondok Pesantren Sulamaniyah (UICCI) Jakarta adalah sesuai dengan tatacara yang telah ditetapkan dalam dua tahap, pertama ialah tahap persiapan sebelum menghafal dan tahap kedua bermulanya menghafal Al-Quran. Pelajar yang menghafal menggunakan kaedah ini boleh menghafal dengan lebih cepat dan mempunyai hafalan yang lebih kuat.

Berdasarkan artikel yang dikaji oleh Sigit Yuli Pramono dan Herminarto Sofyan (2018) dalam kajian tersebut, ia menunjukkan bahawa Sekolah Dasar Islam Terpadu Khoiru Ummah, Sleman, Daerah Istimewa Yogyakarta mementingkan kualiti reka bentuk pembelajaran tafhiz dan ini terbukti dengan beberapa anugerah yang dihasilkan sekolah tersebut. Sekolah Dasar Islam Terpadu Khoiru Ummah malah mendapat gelaran yang baik daripada masyarakat dari segi akhlak, kecekapan reka bentuk pembelajaran tafhiz dalam pelaksanaan pengurusan sekolah rendah sejak penubuhan Sekolah Rendah Islam Terpadu Khoiru Ummah 6 tahun yang lalu.

N. Hashimah A. Shukri et. al. (2020) telah menganalisis dapatan kajian berkaitan strategi ingatan kebanyakannya bersifat eksperimental merentasi bidang neurosains, perubatan dan linguistik manakala tidak banyak dalam bidang pendidikan Islam. Hal ini berdasarkan tinjauan tersebut telah menjelaskan dan menggariskan lapan strategi pendidikan dalam menghafaz al-Quran yang melibatkan strategi dalaman dan luaran: perhatian terhadap ayat-ayat al-Quran sama ada secara lisan atau visual, pengulangan, pemahaman, penyusunan, senaman, pemakanan seimbang, tidur yang mencukupi dan bantuan ingatan terutamanya dalam aplikasi teknologi.

Menurut Faisal Fuadi et. al. (2020), pemerhatian ini berdasarkan pada proses pembelajaran tafhiz Al-Quran yang hanya menggunakan kaedah konvesional yang bermaksud pelajar hanya memperlihat hafalannya di hadapan gurunya tanpa mengulang tayang hafalannya sebelumnya dari segi metodologi. Justeru, hasil kajian ini menunjukkan kualiti hafalan pelajar di kelas eksperimen adalah lebih baik atau lebih tinggi daripada kelas kawalan. Perbezaan ini adalah disebabkan oleh pengaruh penggunaan kaedah Turki Uthmaniyyah dalam proses pembelajaran tafhiz yang diberikan kepada kelas eksperimen, sehingga mutu hafalan pelajar lebih baik setelah menggunakan kaedah Turki Uthmaniyyah.

Berdasarkan artikel yang dikaji oleh Mohamad Shahrin bin Baharudin dan Mohd Nizam Sahad (2020) dalam kajian tersebut, ia bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana sejauh mana kaedah hafazan dengan memahami makna yang digunakan dalam institusi pengajian tafhiz di Alor Setar. Hasil kajian mendapati, terdapat empat sistem pengajian Tafhiz Al-Quran tersebut iaitu sistem tafhiz ala India dan Pakistan, sistem tafhiz ala Al-Azhar, sistem tafhiz Integrasi Sains dan sistem tafhiz Turki. Selain itu, ia mendapati bahawa keempat-empat sistem daripada institusi pengajian tersebut menunjukkan min sederhana bermaksud pelajar tafhiz masih mempunyai kelemahan untuk memahami Al-Quran.

Fujiyanti Nurlatifah dan Fajar Syarif (2021) telah mengkaji sebuah kajian yang menggambarkan keadaan fakta objek yang dikaji berkaitan data dan maklumat tentang proses pembelajaran tafhiz Al-Qur'an dengan kaedah Samā'i yang diterapkan di pondok-pondok pengajian tafhiz yang diaplikasikan di PPTQ Misbahunnur Cimahi. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa, dalam proses pembelajaran tafhiz Al-Qur'an di pusat pengajian tafhiz tersebut dijalankan lebih lama berbanding program lain, kaedah yang digunakan adalah gabungan kaedah Samā'i, talaqqi, dan tasmi. terutamanya dalam pembelajaran dalam talian, termasuk digabungkan dengan metod tafhiz Turki juga.

Menurut Diauddin et. al. (2022), tujuan kajian tersebut dilakukan adalah untuk menganalisi model pembelajaran tafhiz Al-Qur'an. Objek kajiannya ialah Dayah Ar Raudhah Tahfizh Al-Qur'an, Daerah Blang Mangat Lhokseumawe. Hal ini kerana terdapat keunikan pada Dayah Ar Raudhah iaitu model pembelajaran yang dilaksanakan terbukti mampu melahirkan kadaran yang menghafaz al-Quran dalam masa yang lebih singkat berbanding institusi pendidikan untuk pendidikan tafhiz Al-Qur'an di umum. Hasil kajian menunjukkan bahawa model pembelajaran

tersebut menggunakan model tafhiz Turki Uthmaniyyah atau dikenali sebagai model urutan ke belakang dengan standard masa menghafal tiga puluh juzuk selama dua puluh bulan.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Sejarah Penubuhan Pusat/Program Tafhiz Turki Uthmani

Pertamanya, kajian telah mendapat penemuan sejarah awal mengenai penubuhan Pusat Tafhiz Antarabangsa Hayrat atau di dalam bahasa Turki ialah Turki Hayrat Uluslararası Hafızlık Derneği. Selain itu, kajian mengenai program bertujuan untuk melahirkan insan-insan yang pembawa kalimah al-Quran iaitu pelajar tafhiz, yang beramal dengan hukum-hukum al-Quran dan sempurna akhlaknya, telah memulakan perkhidmatannya pada tahun 2019. Sehingga hari ini, program ini menyediakan perkhidmatan dengan lebih 1000 pelajar di 31 pusat. Perkhidmatan tersebut juga mempunyai lebih dari 908 pelajar, telah menggraduasikan 160 pelajar dan 125 pekerja.¹ Berikut adalah maklumat di bawah:

Presiden : Enes Çalik

Naib Presiden : Kürşat Karaca

Setiausaha Umum : Cihan Özbek

Alamat: Aşağı dudullu mh bulut sk no:8-14 Ümraniye/Istanbul (Pusat, Umraniye, Istanbul)

Secara ringkasnya, penubuhan Pusat Tafhiz Antarabangsa Hayrat, Turki bertujuan untuk menjadi hafiz dengan menggalakkan anak muda kita menjadi penghafal al-Quran dan dengan menjadikan mereka sayang hafiz. Visinya adalah menjadi pusat hafiz, yang merangkumi seluruh umat manusia dengan menjaga kepercayaan dan tradisi Islam. Misinya adalah melahirkan remaja teladan yang mempunyai hati untuk merangkul seluruh umat manusia, yang telah mencapai kejayaan akademik dengan hafiz dan ilmu-ilmu Islam, serta dapat menjalankan aktiviti bimbingan mengikut kefahaman abad ini. Hasilnya, program ini dapat membangkitkan jiwa-jiwa yang sedar, berani, tanpa terasing dari masyarakat, di lapangan, dengan akhlak Al-Quran dan Nabi kita untuk membesarakan remaja contoh.

Keduanya, penubuhan program tafhiz Turki Uthmani ini masih lagi berkembang di Malaysia dan masih dalam usaha-usaha ke arah perkembangan yang maju. Oleh itu, kajian juga mendapat perkembangan program tafhiz ini telah dijalankan melalui persatuan Hayrat Malaysia. Hayrat Malaysia merupakan cawangan Hayrat Foundation Turki di Malaysia yang didaftarkan di bawah ROS Malaysia di atas nama Pertubuhan Pemikiran Said Nursi dan Risalah An-Nur.² Hayrat Malaysia bergerak di bidang pendidikan dan dakwah, serta bergerak di bidang kemanusiaan dan sosial di bawah nama Hayrat Relief Malaysia. Visinya ialah pertubuhan yang memberikan pencahayaan bagi hati dan akal untuk melahirkan manusia yang beriman secara takhki dan berakhlaq mulia seterusnya memberikan manfaat kepada orang lain. Misinya adalah menyumbang kepada pemulihran pemikiran Islam berdasarkan Al-Quran dan Sunnah dalam menangani isu dan cabaran masa kini dan menyediakan kemudahan kajian komparatif mengenai idea Bediuzaman Said Nursi dan Risalah An-Nur. Salah satu cabang yang diterapkan dalam Hayrat Malaysia ialah melalui pendidikan. Pendidikan berdasarkan sistem madrasah adalah teknik yang diguna pakai bagi memperluas metod tafhiz Turki Uthmani ini.

¹ <https://hayrathafizlik.org/>, (2022)

² <https://prezi.com/p/gcuej3mpyrrk/hayrat-malaysia/?frame=1300e3cc9d8dcffa3e61437958d9d2d05513b898/>, (2022)

Melalui kerjasama antara Hayrat Malaysia dengan Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat, Turki, maka telah bermulanya madrasah Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat Malaysia pada bulan Mei 2022 di Nilai Spring Villas, Nilai, Negeri Sembilan. Program persediaan bagi Bahasa Turki, kelas tajwid, kelas Risalah An-Nur dan Budaya Madarasah Hayrat di Turki telah berlaku selama dua bulan iaitu antara Mei 2022 hingga Julai 2022 sebagai persediaan awal sebelum menempuh pengajian tahfiz Turki Uthmani yang sebenar selama setahun di Turki.

Sistem Pentadbiran Dan Pengurusan Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat Malaysia

Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat Malaysia ini masih baharu lagi bertapak di Malaysia, maka bagi sistem pentadbiran dan pengurusan madrasah ini tidak mengikut formal yang ditetapkan kerana hanya tertumpu kepada kemasukan lima pelajar hingga ke Turki sahaja. Oleh itu, hanya ada tiga orang sebagai tenaga pengurus, pentadbir dan pengajar memandangkan sedikit sahaja pengambilan pelajar tahfiz ini. Dua orang daripada mereka ialah Encik Muhammad Hazwan Bin Azman, selaku Pegawai Pendidikan Hayrat Malaysia bagi Bahasa Turki, Kelas Tajwid, Kelas Risalah An-Nur dan Budaya Madarasah Hayrat di Turki. dan Encik Mohd Faris Danial bin Mohd Abdul Kader selaku Pegawai Pendidikan Hayrat Malaysia sekaligus memantau pergerakan Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat Malaysia ini.

KOS DAN YURAN PROGRAM TAHFIZ

NO	PERKARA	KOS PERBELANJAAN		
		USD-DOLAR	MYR-RINGGIT	TR- LIRA
1	YURAN PENGINAPAN, PENGAJIAN DAN MAKAN MINUM MADRASAH	2 BULAN MALAYSIA DAN SETAHUN DI TURKI	800	3403.5
2				
3	KOS SEBELUM PENERBANGAN	PASSPORT	200/ 5thn	
4		VISA STUDENT	200	
5		TIKET FLIGHT	1500-2000*	
6	KOS LEBIHAN SEWAKTU DI TURKI	RESIDEN PERMIT	300*	1000*
7		INSURANS KESIHATAN	250*	850*
8		SIM CARD	40*	130*
9		DUIT POKET PELAJAR**	100	300+

KOS YURAN YANG PERLU DIBAYAR KEPADA HAYRAT ADALAH 800 USD SECARA KESELURUHAN UNTUK PROGRAM TAHFIZ, LAIN-LAIN PERKARA TIDAK TERMASUK.

*JUMLAH DI ATAS HANYAHLAH ANGGARAN. PERKARA SELAIN DARI YURAN MADRASAH BOLEH BERUBAH MENGIKUT HARGA PASARAN SEMASA

**ANGGARAN DUIT POKET PELAJAR SELAMA SEBULAN UNTUK OUTING.

Rajah 1: Kos Dan Yuran Program Tahfiz

Oleh itu, rajah 1 menujukkan bahawa jumlah keseluruhan yang perlu dibayar oleh pelajar tahfiz ialah 800 USD (bersamaan RM 3507.68) bagi dua bulan program persediaan di Malaysia dan setahun pengajian di Turki.

Bilangan Guru Dan Pelajar Semasa Di Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat Malaysia

Setakat ini, terdapat tiga orang pengajar dan lima orang pelajar lelaki telah berjaya melanjutkan pelajaran mereka di Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat, Turki selama setahun setelah mengikuti program persediaan Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat Malaysia Nilai Spring Villas, Nilai, Negeri Sembilan.

Ujian Kelayakan Pengambilan Pelajar Baharu Di Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat Malaysia

Antara syarat-syarat kemasukan pelajar adalah;

- a) Cemerlang 70% dalam keputusan peperiksaan.
- b) Baik dari segi akhlak.
- c) Boleh menghafal satu muka surat Al-Quran dalam masa 1 jam.
- d) Tidak merokok dan berhubungan dengan bukan mahram.

Sekiranya mana-mana pelajar yang berniat untuk menyambung pengajian tinggi ke Turki pada peringkat universiti, pelajar mestilah berkelulusan STPM, STAM, Diploma atau mana-mana kelulusan yang setaraf 12 tahun pengajian sekolah menengah (A-Level).

Secara ringkasnya, pengambilan pelajar baharu telah bermula pada bulan April 2022. Setelah itu, pelajar perlu menghadiri temu duga bagi menilai kekuatan, minat, kebolehan terhadap bacaan Al-Quran, hukum-hukum tajwid dan hafalan. Kemudian, diadakan sesi temu duga bersama dengan ibu bapa kepada pelajar tersebut mengenai keizinan belajar dan bayaran yuran pengajian. Temu duga ini diadakan secara bersemuka bagi pelajar yang tinggal berdekatan dan secara atas talian bagi pelajar yang tinggal berjauhan.

Sistem Dan Kaedah Turki Uthmani Hayrat

Kaedah hafalan Turki Uthmani merupakan kaedah hafazan yang berbeza dari kaedah hafalan yang biasa. Sistem Quran Turki Uthmani terdiri daripada 15 baris setiap halamannya. Kaedah hafazan Turki, Uthmani ini dimulakan dengan menghafaz dari muka surat belakang setiap juzuk dan ia dihafal dari bawah ke atas untuk menjadikan hafalan lebih kuat. Setiap hari pelajar akan menghafaz 1 muka surat sehari dan bagi pelajar yang berkemampuan mereka akan menghafaz 3 muka surat dalam masa sehari.

Sebagai contoh, pelajar akan menghafaz dari juzuk pertama muka surat ke-20 (terakhir dari juzuk 1) dan pada hari keesokannya pelajar akan menghafaz muka surat ke-20 (terakhir dari juzuk 2). Kaedah ini diteruskan sehingga pelajar menghabiskan muka surat terakhir setiap juzuk. Selepas itu, pelajar akan memulakan semula dari juzuk 1 muka surat 19 (kedua terakhir) dari setiap juzuk mengikut kaedah yang sama seperti di atas. Pada masa yang sama, pelajar perlu menghafaz muka surat 19 (kedua terakhir) dan pelajar tersebut perlu mengulangi muka surat 20 dari juzuk tersebut dan ia perlu ditasmik kepada ustaz.

Jadual Harian Pelajar Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat Malaysia

05:45	-	06:00	:	Bangun dan mempersiapkan diri
06:00	-	07:00	:	Solat Subuh secara berjemaah
07:00	-	07:45	:	Tasmik dan melancarkan hafazan baru (hafazan yang perlu ditasmik pada hari tersebut).
07:45	-	09:00	:	Sarapan dan berehat
09:00	-	10:30	:	Tasmik hafazan al-Quran secara rasmi
10:30	-	11:00	:	Berehat
11:00	-	12:30	:	Kelas
12:30	-	13:30	:	Makan tengahari dan Solat Zohor
13:30	-	15:00	:	Setengah jam awal untuk tasmik bagi pelajar yang tidak sempat tasmik dan kelas.
15:00	-	16:00	:	Kelas Risalah An-Nur yang terbahagi kepada 3 bahagian antaranya Uthman lajah iaitu menulis khat dalam versi Turki. Kemudian membaca buku Risalah An-Nur dalam versi Uthman Lajah disamping warden memantau bacaan mereka.
16:00	-	17:30	:	Solat Asar dan berehat.
17:30	-	18:15	:	Kelas Petang
18:15	-	19:30	:	Makan dan Solat Maghrib
19:30	-	22:30	:	Kelas Malam
22:30	-	23:00	:	Solat Isyak
23:00	-	05:45	:	Tutup lampu dan Tidur

Kelebihan Dan Kelemahan Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat Malaysia

Antara kelebihan yang terdapat adalah kaedah yang digunakan di tahfiz ini dapat menjadikan pelajar konsisten mengikuti teknik yang betul iaitu mengikuti Sistem Turki Uthmani dan ia dapat menjadikan pelajar lebih kuat ingatannya. Namun begitu, atas pemerhatian pengkaji sepanjang menjalankan kajian tentang kaedah ini, kaedah ini menunjukkan hafazan melalui belakang banyak membantu dalam mengurangkan risiko hafazan mudah lupa dari ingatan para huffaz kerana mereka akan sentiasa berulang hafalan baru dan lama serta masa yang diperlukan untuk mengulang tidak lama berbanding sistem lain yang akan menghabiskan satu juzuk dahulu sebelum berpindah ke juzuk seterusnya. Pengkaji mendapati beberapa kelemahan semasa menemu ramah iaitu pelajar stress dengan jadual yang terlalu padat dan pelajar terperap pada suatu tempat.

Sebab Penubuhan Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat Malaysia

Antara sebab Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat Malaysia ditubuhkan adalah kerana mengikut Hayrat di Turki ditubuhkan. Selain itu, dapat memperkenalkan sistem Tahfiz Turki Utmaniah kepada orang ramai. Seterusnya, dapat mengenali elemen-elemen yang terkandung di dalam Risalah An-Nur, yang mana tidak diajarkan di mana-mana pusat tahfiz lain. Pusat tahfiz ini juga mengajarkan Bahasa Turki sebagai persediaan penggunaan harian dan komunikasi di Turki.

Pencapaian Dan Cawangan Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat, Malaysia

Dari segi pencapaian, Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat, Malaysia berjaya menghantar 5 orang pelajar mengikuti program Tahfiz Turki Uthmani di Turki. Selain itu, Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat, Malaysia mempunyai 4 cawangan. Antaranya adalah di Nilai (Anggerik Court & Nilai Spring), Gombak, Kuala Kangsar.

Cadangan Penambahbaikan Bagi Meningkat Kualiti Metod Tahfiz Turki Uthmani Di Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat Malaysia

Antara cadangan penambahbaikan yang boleh diberi ialah melalui pengurusan dalam menambah tenaga pengajar dan kemasukan lebih ramai lagi pelajar tahfiz, iaitu mencapai peningkatan sebanyak 5 orang tenaga pengajar dan 10 orang kemasukan pelajar baharu. Selain itu, pemilihan tempat belajar yang efektif bagi memberikan keselesaan kepada pelajar tahfiz. Seterusnya, pusat tahfiz Turki Uthmani ini boleh mendapatkan dana lain selain daripada dana Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat Malaysia juga bagi menampung kewangan pengurusan dan pentadbiran pusat tahfiz mengikut keperluan. Akhir sekali, Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat Malaysia perlu meningkatkan promosi mengenai tahfiz Turki Uthmani melalui iklan dan hebahan sosial media bagi memudahkan orang awam mengenali lebih mengenai program ini.

Kesimpulan

Pada keseluruhannya hasil kajian mendapati bahawa kaedah hafazan al-Quran Turki Uthmani mempunyai sejarah melebihi 500 tahun hasil ciptaan ulama' Turki pada zaman Kerajaan Uthmaniyyah. Penubuhan Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat Malaysia dengan kerjasama Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat, Turki yang menggunakan kaedah Turki Uthmani amat membantu pelajar tahfiz untuk menghafaz al-Quran dengan cepat, pantas dan kukuh. Bagi pelajar yang kuat dan laju hafazannya, mereka mampu menghabiskan hafazan al-Quran dalam tempoh setahun sahaja. Belajar di Pusat Tahfiz ini juga amat luas ilmunya kerana dapat mempelajari Bahasa Turki dan budaya di sana. Ia dapat dilihat bahawa jadual harian pembelajaran pelajar tahfiz ini amat berbeza dengan pelajar pusat tahfiz yang lain. Diharapkan pengunaan kaedah hafazan Turki Uthmani ini mampu menghasilkan para huffaz yang kuat dan berkualiti hafazannya serta menjadi pemimpin yang berdisiplin dan berwibawa.

Rujukan

- Abd. Aziz Abdullah, Abd.Aziz Che Ibrahim, Suhaimi Abu Hasan, Mahmood Sabtu (2021). *Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran: Satu Kajian Di Sekolah Menengah/Maahad Hafiz Jeram (Banat) Dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang*. Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Melaka.
- Azman Che Mat, Wan Ainun Sailah, Wan Adnan, Azarudin Awang Dan Wan Noor Hazlina Wan Jusoh Et. Al. (2020). *Tahap Amalan Kaedah Hafazan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Program Al-Quran Imtiaz*. Universiti Teknologi Mara (UITM), Selangor.
- Derneği, A. H. (2022). *Hayrat Uluslararası Hafızlık Derneği*. Retrieved from hayratuluslararasihafizlik@gmail.com: <https://hayrathafizlik.org/>
- Diauddin, A. M. (2022). *Model Pembelajaran Tahfizh Al-Quran Pada Dyah Ar Raudhah Tahfizh Al-Quran Kota Lhokseumawe*. Sumatera Utara: Universitas Islam Negeri Sumatera Utara, Indonesia.
- Faisal Fuadi, D. I. (2020). *Pengaruh Penerapan Metode Turki Utsmani dalam Pembelajaran Tahfiz Al-Qur'an Terhadap Jaudah Hafalan Santri di Pondok Pesantren Al-Qur'an Sirojul 'Ulum Sungai Lilin Musi Banyuasin*. Palembang: Universitas Islam Negeri Raden Fatah, Palembang, Indonesia.
- Fujiyanti Nurlatifah, F. S. (2021). *Sistem Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Dengan Metode Sama'i Di Pptq Misbahunnur Cimahi*. Jakarta: Institut Ilmu Al-Qur'an (IIQ) Jakarta, Indonesia.
- Hervina Kusumawati (2018). *Implementasi Model Turki Utsmani Dalam Menghafal Al-Qur'an Di Yayasan Tahfidz Qur'an Sulaimaniyah Jatim*. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya, Indonesia.
- Lestari, A. N. (2018). *Sistem Pendidikan Pondok Pesantren Sulaimaniyah Puncak Bogor Dalam Pembelajaran Tahfidzul Quran Dengan Metode Turki Utsmani*. Jakarta: Universitas Islam Indonesia, Jakarta.
- Malaysia, A. H. (12 Disember, 2022). *Hayrat Malaysia*. Retrieved from <https://linktr.ee/hayratmy>: <https://www.facebook.com/hayratmy>
- Mohamad Shahrin Bin Baharudin, M. N. (2020). *Analisis Kaedah Hafazan Al-Quran Dengan Memahami Makna Dalam Institusi Pengajian Tahfiz Di Alor Setar Kedah*. University of Malaya, Kuala Lumpur.
- N. Hashimah A. Shukri, M. K. (2020). *Educational Strategies on Memorizing the Quran: A Review of Literature*. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.
- Nadia Farhana Mohd Saidi, A. I. (2021). *Contents and Methods of al-Hadith Memorization: Perceptions of Religious Teachers in Tahfiz Schools Around Kuala Lumpur and Putrajaya*. Universiti of Malaya, Kuala Lumpur.
- Rantau, N. ' (2018). *Implementasi Metode Turki Utsmani Dalam Menghafal Al-Quran Di Pondok Pesantren Sulaimaniyah (UICCI)* Jakarta. Jakarta: Institut Ilmu Al-Quran (IIQ) Jakarta, Indonesia.
- Shafii, S. (12 Disember, 2022). *Hayrat Malaysia*. Retrieved from Prezi.com: <https://prezi.com/p/gcuej3mpyrrk/hayrat-malaysia/>
- Sigit Yuli Pramono, H. S. (2019). *Quality Learning Tahfiz Design in Integrated Islamic Elementary School Sleman Special Region of Yogyakarta*. Yogyakarta: Universitas Negeri Yogyakarta, Indonesia.

Lampiran



Pelajar Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat Malaysia di Nilai Spring Villas, Nilai.



Pelajar Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat Malaysia Bergerak Ke Turkiye



Pelajar Pusat Tahfiz Antarabangsa Hayrat Malaysia di Turkiye



Temu Ramah Bersama Pegawai Pendidikan Hayrat Malaysia

وَقَاتُلُوكُنُوا هُودًا أَوْ تَصَارِي تَعَذَّدُوا قُلْ بَلْ حِلَّةٌ إِبْرَاهِيمَ
 حَيْفَا وَمَا كَانَ يَنْتَهِيَ فُولَا أَمْتَا يَاشُو وَمَا أُنْجَلَ
 إِيْتَنَا وَمَا أُنْجَلَ لِلْإِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ
 وَالْأَسْتَكَاطَ وَمَا أُوقَ مُوسَى وَعَيسَى وَمَا أُوقَ التَّيُّونَ يَنْ رِيَّوْهُ
 لَا نُغَرِّي بَيْنَ أَخْيَرِ يَهُهُهُ وَخَنْ لَهُ مُسْلِمُونَ قِلْ أَمْتَا يِيشِلِ
 مَا أَمْتَشْ يَهْ قَقَدِ اهْتَدَوْ وَإِنْ تَوَلَّا فَإِقَامَهُ فِي شِقَاقِ
 قَسَيَّطِيْكَهُمْ اللَّهُ وَهُوَ السَّمِيعُ الْلَّهِ صَبُّعَةُ اللَّهِ
 وَمَنْ أَحْسَنْ يَمْتَثِلُهُ صِبْغَةً وَخَنْ لَهُ عَادِدُونَ
 قُلْ آمْهَاجُونَتَا فِي اللَّهِ وَهُوَ رَبُّنَا وَرَبُّنُهُ وَلَنَا
 آنِمَالَنَا وَلَكُنْهُ آنِمَالَنَهُ وَخَنْ لَهُ مُخْلِصُونَ
 أَمْ تَوْلُونَ إِنَّ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ
 وَالْأَسْتَكَاطَ كَانُوا هُودًا أَوْ تَصَارِي قُلْ إِكْتَشَهُ آكْلَهُ إِيْ اللَّهُ
 وَمَنْ آكَلَهُ مِنْ كَتَمَ شَهَادَهُ يَنْدَهُ يَنْ أَلْهُ وَمَا اللَّهُ
 يَغَافِلُ عَنَّا تَعَذَّدُونَ يَلْكَ أَمْتَهُ قَدْ خَلَكَ لَهَا مَا كَبَّتَ
 وَآكَنَهُ مَا كَسَبَتَهُ وَلَا نُسْكَلَوْنَ عَنَّا كَانُوا يَعْتَلَوَنَ

Contoh Quran Turki Uthmani Terdiri Daripada 15 Baris Setiap Halamannya